



**DR. DAING NASIR IBRAHIM (kiri), Abu Bakar Ahmad (dua dari kanan) dan Tai Chee Ming (kanan) melihat dokumen perjanjian sambil diperhatikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Lt. Kol (K) Datuk Mohlis Jaafar (dua dari kiri) dalam Majlis Menandatangani Nota Kolaborasi di Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN**

UTUSAN MALAYSIA (TIMUR) 20/3 10/5 2016

## Polisias jalin kerjasama dengan UMP, AmMetLife Insurance

**KUANTAN 19 Mac** - Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisias) hari ini menandatangani nota persefahaman (NoU) bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan AmMetLife Insurance Berhad bagi menjalinkan kerjasama antara politeknik berkenaan dengan dua pihak terbabit.

Dalam majlis itu, Polisias diwakili Pengarahnya, Datuk Abu Bakar Ahmad, UMP oleh Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan AmMetLife Insurance Berhad diwakili Ketua Pegawai Agensinya, Tai Chee Ming.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Profesor Datuk Dr. Yusserie Zainuddin.

Ditemui media selepas majlis itu, Abu Bakar berkata, pihaknya berterima kasih kepada UMP dan AmMetLife Insurance Berhad kerana sudi untuk menjalinkan kerjasama dengan politeknik berkenaan.

Melalui NoU dengan UMP katanya, kedua-dua pihak bersetuju menjalinkan kerjasama serta perkongsian ilmu dan kepakaran dalam memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) termasuk dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Temeterainya NoU ini juga membolehkan Polisias mendapatkan bimbingan dan nasihat UMP bagi menjamin kualiti program

yang ditawarkan di sini dan seterusnya menjalinkan kerjasama bagi tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara kedua-dua pihak atas dasar manfaat bersama," katanya.

Menurutnya, pihak AmMetLife Insurance Berhad bersetuju memberi bimbingan dalam aspek keusahawanan, membangunkan insurans hayat melalui program usahawan, penyediaan tempat latihan industri serta kerjasama dalam program CSR.

Kerjasama itu juga katanya, turut menggalakkan pertukaran kepakaran bagi meningkatkan mutu perkhidmatan antara Polisias dan AmMetLife Insurance Berhad.

"Saya yakin pihak UMP dan AmMetLife Insurance Berhad akan turut memperoleh manfaat melalui kerjasama ini.

"Dalam usaha pemeraksanaan program UMP dan AmMetLife Insurance Berhad, Polisias menzahirkan iltizam untuk sentiasa bersedia membantu dari aspek R&D, pelaksanaan kursus berkaitan dan CSR bagi faedah bersama," katanya.

Abu Bakar berkata, kerjasama dua hala itu diharap dapat diteruskan bagi menjayakan pembangunan modal insan berkemahiran dalam kalangan generasi muda serta proses mentransformasi politeknik sebagai peneraju pendidikan teknik dan vokasional negara dapat direalisasikan.